

cukai yang lain yang akan dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan. Perbelanjaan Kerajaan yang dilaksanakan pada setiap tahun adalah menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Disatukan. Pendapatan dan perbelanjaan Kerajaan akan diumumkan pada setiap kali Rang Undang-Undang Perbekalan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat mengenai kutipan GST semenjak ia dilaksanakan akan diumumkan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan pada 23 Oktober 2015 ini.